



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 27 / 2025

PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON
PILIHAN RAYA UMUM (PRU)
DEWAN UNDANGAN SABAH KE-17

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh **Hari Penamaan Calon (HPC)** PRU Dewan Undangan Sabah Ke-17 pada **15 November 2025 (Sabtu)**. Kertas penamaan calon hendaklah diserahkan dari jam **9:00 pagi sehingga 10:00 pagi** kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya di 25 Pusat Penamaan Calon oleh pihak-pihak seperti berikut:
 - a. calon, pencadang dan penyokong; atau
 - b. mana-mana dua (2) orang daripada mereka; atau
 - c. mana-mana seorang daripada mereka.
2. SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding agar mengisi borang dan membuat semakan awal dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah sebelum HPC serta membuat pembayaran deposit lebih awal. Resit

pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada HPC sebagai bukti pembayaran.

3. Manakala bakal-bakal calon yang mewakili mana-mana parti politik pula hendaklah mengemukakan surat kebenaran penggunaan simbol parti yang diwakili apabila membuat penyerahan Kertas Penamaan Calon.
4. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya adalah tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] dan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT). SPR menyeru kepada bakal-bakal calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, PBT dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan proses penamaan calon yang dilaksanakan dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

13 November 2025 / 22 Jamadilawal 1447H